Kelantan Golden Trade Sdn. Bhd.

www.dinarkel.com

# Kembalinya MATAWANG SYARIAH Di Abad Ini

**Oleh: Nik Mahani Mohamad**
nikmahani@dinarkel.com

## MATAWANG KERTAS ASAS RIBA AN NASIAH??

**Bahagian 9**

**Sambungan dari keluaran lepas...**

Betapa tidaknya kita berada di abad ini dalam 'kegelapan deenul Islam'? Cuba kita renungkan bersama.

Sejak jatuhnya Kerajaan Berkhalifah yang berpusat di Istanbul, dunia Islam menyaksikan pencabulan pada semua landasan kehidupan seorang Muslim.

Hari ini, semua institusi pengajian tinggi kita di seluruh dunia tidak lagi mempelajari bidang ilmu 'muamalah' atau jika pun mereka mempelajarinya mereka tidak lagi tahu mempraktikkannya dalam masyarakat sehinggakan seorang alim yang saya kasihi pernah membuat pengakuan:

***"Kami para alim ulama' telah meninggalkan bidang 'muamalah' beratus-ratus tahun sehinggakan diibaratkan kami semua dalam suatu hutan yang sangat tebal!***

***Kami sendiri tidak tahu mencari jalan keluar bagaimana pula kami dapat membimbing orang lain keluar daripadanya!".***

Seorang alim lagi menambah: ***"Benar! Kami rasakan apa yang kami pelajari hanya boleh diamalkan di pasar-pasar malam sahaja'!***

Islam sudah kembali menjadi agama yang 'asing'! Benarlah sepertimana sebuah hadith riwayat Imam Muslim: Diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. bahawa Rasullullah SAW pernah bersabda: ***"Islam bermula sebagai suatu yang asing , dan ianya akan kembali semula kepada asalnya sebagai suatu yang asing. Berbahagialah kepada sesiapa yang menjadi asing"***

Jika para alim ulama' sendiri mengakui bahawa mereka telah kehilanggan ilmu 'Muamalah' sedangkan Allah SWT berfirman dalam Surah Al Imran Ayat 19, yang bermaksud:

***Sesungguhnya agama (yang diridai) di sisi Allah hanyalah Islam. Tiada berselisih orang-orang yang telah diberi Al Kitab kecuali sesudah datang pengetahuan kepada mereka, karena kedengkian (yang ada) di antara mereka. Barang siapa yang kafir terhadap ayat-ayat Allah maka sesungguhnya Allah sangat cepat hisab-Nya.***

Inilah petanda yang amat nyata bahawa kita sekarang di abad ini telah kehilangan keilmuan hidup dalam 'deenul Islam' berasaskan hukum-hukum 'Muamalah' yang merupakan dua pertiga (2/3) daripada seluruh hukum-hukum cara penghidupan!

Dengan kata lain, penghidupan cara yang diredhai Allah SWT telah hilang daripada pengetahuan kita di abad ini dan inilah yang mengakibatkan Allah SWT dan RasulNya mengistiharkan PERANG atas kita sendiri yang ingin menjadi HAMBA Allah SWT! Alangkah sedihnya kita!

Dari perspektif amalan riba, kita umat Nabi Muhammad SAW adalah merupakan golongan yang turut sama dalam kancah ***'Sistem Kapitalis'*** di mana asas ekonomi yang paling utama – "matawang" dan "sistem perbankan" telah di'fitnah'kan sebegitu rupa sehingga orang-orang Islam di abad ini tidak lagi faham makna sebenar 'Matawang Syariah' dan hakikat 'membuat harta atas angin' dengan adanya kredit-kredit yang mudah kepada orang ramai.

Benarlah sepertimana sebuah hadith – diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim :

***"Rasullullah SAW bersabda tentang Al Masih Ad Dajjal – bahawa ia akan datang membawa sungai dan api: (apa yang disangka) sebagai api adalah sungai yang sejuk, dan sebaliknya apa yang disangka sungai adalah api yang menyala!"***

Segalanya bermula daripada sini; kerana bila ciri asas 'keadilan' telah tercabul, maka dunia hari ini telah semakin jauh daripada mencapai keredhaan Allah SWT!

Pegangan 'aqidah' kita terjejas – Nama Allah SWT sendiri sebagai 'Al-Khaliq' telah di'fitnah'kan – "Allah SWT" diletakkan pada tangga yang sama dengan lain-lain tuhan dalam 'Rukun Negara"!

Perlembagaan serta undang-undang Negara kita meletakkan keutamaan kepada 'State' atau 'kenegaraan' pada status yang lebih tinggi daripada kepatuhan kepada undang-undang Allah SWT!

Malah 'rukun iman' kita tercabul. Allah SWT bukan lagi 'Ar Razak' kerana pemberi rezeki sebenar ialah kerajaan dengan pakatan institusi 'perbankan' dalam cetakan kertas-kertas yang diiktiraf sebagai 'Matawang' yang diberikan paksaan 'nilai' atas rakyat melalui perundangan negara yang memberikan status 'legal tender' atau 'sah laku' pada semua wang-wang kertas.

Rakyat dipaksa 'terima' sekeping kertas yang dicetakkan 'nilai' atasnya sebagai 'matawang' menjadikan kita semua dalam keadaan riba!

**Bersambung...**

ACARA TERBUKA

MASUK PERCUMA

Jemputan Ke

DINIHARI DINAR

**30 Julai 2011**

Mengenali Matawang Syariah

Kegunaan Dinar Emas dan Dirham Perak

Mulakan Muamalat Halal

**10 Pagi - 1 Petang**

Acara Juga Diadakan Setiap Sabtu!

Di: Masjid Saidina Umar Al-Khattab, Bukit Damansara, Kuala Lumpur

**Senarai Wakalah Utama:**

**NUBEX VENTURE SDN BHD:** Koperasi Munawarrah Kedah Berhad (Kedah, Lembah Klang) 0194365763 • Pelangi Jewel (Selangor) 0126737352 • Nubex Sdn Bhd (Damansara) 0377299640 • Azri (Lembah Klang) 0132200030 • Ahmad Firdaus (Kepong) 0126986155 • Engku Ahmad Faisal (Lembah Klang) 0163343284 • Izzuddin Shah (Lembah Klang) 0122929900 • Mohd Halmi Ibrahim (Perak) 0125065775 • Mohd Izwadi (Damansara) 0126961906 • Muna Munirah (Ampang) 0176223520 **WAKALA AL FITRAH:** Hj Awaludin (Damansara) 0192183317 • Khuzai Mansur (Seremban) 012-6179128 **SAHABAT EMAS SDN BHD:** Mohd Nasser (Kubang Kerian) 0199122152 • Arrif (Wakaf Stan) 0199126235 • Ahmad Fauwaz (Nilam Puri) 0145305341 • Nik Ahmad Kamil (Pasir Putih) 0139286437 • Mat Nasir (Kota Bharu) 0199394839 • Che Radzuan (Kubang Kerian) 0193258257 • Romzi (Kedai Lalat) 0199409154 • Nordin (Tanah Merah) 0139338394 • Wan Mohamad Fadhil (Tumpat) 0199889770 • Fauzi (Kota Bharu) 0199884851 • Mohd Azdihar (Kota Bharu) 0173788676 **SAUDAGAR EMAS SDN BHD:** Hanusi (Serdang Jaya) 0173249009 • Rosiatapati (Bdr. Tasik Permaisuri) 0133831200 • Nor Hayati (Shah Alam) 0123850975 • Zuridan (Kg. Pandan) 0173069707 • Nor Hanis (Keramat) 0173094080 • Mahathir (Ampang) 0133437735 • Sharliana (Ampang) 0133944220 • Mohd Izwadi (Serdang) 0105258079 • Mohd Rizal (Kajang) 0126480604 • Norazilah Md Isa (Putrajaya) 0126058393 • Ahmad Tarmizi (Ipoh) 0149050454 • Luqman Al Hakim (Sintok) 0174151143 **BAYU MELAWI SDN BHD:** Noorizan (Alor Setar) 0134301030 • Ibrahim (Johor Bahru) 0164225448 • Harry (Kota Bharu) 0199413395 • Suriani (Pasir Mas) 0199830856 • Wan Eika (Kuala Lumpur) 0173559180 • Shahril (Kuantan) 0135043649 • Ismail (Kok Lanas) 0199898965 • Azhar 0129011422 (Kelantan) **KOPERASI WANITA ISLAM:** Shidah (Kuala Krai) 0139284133 • Hazimah (Kota Bharu) 0169284686 • Afifah (Kota Bharu) 0179652048 • Ubai (Kota Bharu) 0169806000 • Khalid (Kota Bharu) 0199691616 • Yan (Kota Bharu) 0199173232 • Amin (Kota Bharu) 0199133093 • Nazrah (Tanah Merah) 0148499565 **PERMODALAN KELANTAN BERHAD (Kota Bharu)** 09-741 4343 • **MENARA SAUJANA SDN BHD:** Jafri Ab. Latif (Kota Bharu, Lembah Klang) 0192632475 **AIRBORNE DISCOVERY SDN BHD (Shah Alam)** 012-3998496 **KOPERASI PASAR SITI KHATIJAH (COCITY) (Kota Bharu)** 09-7419568.






World Islamic Mint